

BAB DUA

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji memfokuskan mengenai konsep pembangunan, konsep pembangunan modal insan, program pembangunan modal insan dan masalah dalam pelaksanaan program serta kesimpulan.

2.2. Konsep Pembangunan

Dunia hari ini sedang mengalami perubahan menyeluruh kehidupan manusia sama ada sosial, kebudayaan, ekonomi dan politik. Hal ini disebabkan proses pembangunan yang melanda dunia. Aktiviti pembangunan giat dirancang dan dilaksanakan, termasuklah di negara-negara membangun. Namun begitu sama ada disadari atau pun tidak, pembangunan yang diinginkan itu dapat memberikan impak yang negatif kepada sesebuah masyarakat dan negara.

Sekiranya proses pelaksanaan pembangunan itu tidak dirancang dan dikawal dengan baik. Keadaan ini dapat dilihat dalam pembangunan yang berlaku di negara-negara maju. Walaupun mereka berjaya mempunyai infrastruktur yang hebat dan peralatan yang canggih tetapi mereka gagal untuk melahirkan manusia yang mempunyai sifat keinsanan.

Kemajuan yang mereka ciptakan, semakin hari semakin menghakis sifat-sifat kemanusiaan dan memusnahkan diri sendiri.¹⁶ Hal ini bukan bererti pembangunan yang dilaksanakan oleh mereka langsung tidak boleh dijadikan model dalam pembangunan. Masih boleh dijadikan ikutan jika ia memberikan kebaikan, seperti dalam aspek kecanggihan teknologi yang dimiliki oleh mereka.

Namun begitu dalam masa yang sama sesebuah negara, harus mempunyai dasar-dasar mereka tersendiri agar tidak terikut dengan keseluruhan proses pembangunan yang dilaksanakan oleh Barat. Hal ini kerana struktur bumi, penduduk, budaya dan bangsa juga harus diambil kira supaya proses pembangunan itu sesuai serta memberikan kebaikan kepada masyarakat sekeliling. Masyarakat Malaysia juga tidak terlepas mengalami tempas pembangunan yang melanda. Hal ini kerana masyarakat Malaysia sedang mengorak langkah menuju negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh yang demikian, masyarakat Malaysia tidak seharusnya menjadikan pembangunan yang melanda dunia itu sebagai tahap pengukur kemajuan sesebuah negara. Masyarakat Malaysia sewajarnya mengkaji dan mempunyai perancangan tersendiri bentuk pembangunan yang diinginkan. Hal ini supaya pembangunan yang bakal dibangunkan nanti tidak memusnahkan identiti bangsa, agama dan negara pada masa akan datang. Tambahan pula sebagai negara Islam,¹⁷ masyarakat Malaysia mestilah mempunyai strategi dan panduannya yang tersendiri dalam melakukan proses pembangunan yang berteraskan kepada ajaran Islam.

¹⁶ Al-Qaradawi, Yusuf (1998), *Islam Teras Tamadun Masa Depan*. Arsil Ibrahim(terj.). Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, h. 27-109.

¹⁷ Lihat: Malaysia Negara Islam, Jabatan Kemajuan Islam, <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/nislam2.html>, capaian pada 16 Mac 2009.

Pembangunan merupakan satu topik yang luas skopnya dan tidak hanya tertumpu kepada aspek ekonomi tetapi meliputi aspek-aspek lain seperti politik dan sosial. Pembangunan umumnya dapat dinyatakan sebagai satu proses berlakunya sesuatu perubahan, hasil daripada usaha sadar manusia untuk mencapai sesuatu matlamat mengikut rencana tertentu. Dalam erti kata lain, pembangunan membawa maksud berlakunya sesuatu perubahan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lebih baik.

Menurut *Kamus Dewan*, pembangunan membawa pengertian perubahan atau kemajuan.¹⁸ Ia membawa maksud proses ke arah kemajuan dan perkembangan kehidupan. Ia juga ditakrifkan sebagai sesuatu keadaan pengembangan, pembinaan, pembaharuan, dan perbaikan ke arah kemajuan. Dalam Bahasa Arab pula, perkataan pembangunan berasal dari kata “*qaddama*” dan “*taqaddum*” membawa erti yang sama iaitu maju ke hadapan, bergerak ke hadapan atau ke suatu hala yang tertentu.¹⁹

Dalam Bahasa Inggeris, istilah pembangunan disebut dengan perkataan *development* iaitu dihuraikan sebagai *act, process of, improving value of, as by building, causing to become more larger, fuller, more advanced, result of developing unfolding new fact, event, which is the result of developing*. Istilah ini membawa maksud perkembangan, pembinaan dan pemajuan.²⁰

¹⁸ Hajah Noresh Hj Baharom (2007), *Kamus Dewan*, c.4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 103.

¹⁹ Jamil Saliba (1982), *al-Mu`jam al-Falsafi*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnan, h. 322.

²⁰ A. H. Johnd (2002), *Kamus Inggeris- Melayu Dewan (An-English-Malay Dictionary)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 385.

Manakala dari segi pengertian istilah pula Rahimah Abd Aziz berpendapat, pembangunan bermaksud tindakan membangun (proses) dan juga hasil daripadanya. Pembangunan tidak terhasil daripada proses evolusi yang spontan.²¹ Ia juga bukanlah hasil yang konsensus²² tentang kepentingan yang dikongsi bersama. Sebaliknya pembangunan adalah sesuatu perkara yang dirancang secara sedar dan sengaja untuk mencapai matlamat tertentu.

Syed Husin pula menyatakan bahawa pembangunan dari ekonomi bertujuan untuk menaikkan taraf hidup ekonomi sebahagian besar masyarakat. Pencapaian yang tinggi dalam bidang ekonomi boleh menjadi asas yang kukuh bagi memajukan atau membangunkan bidang-bidang lain seperti pelajaran, kemasyarakatan dan kebudayaan.²³ Menurut definisi *Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu* (PBB) pula, pembangunan bukan sahaja memenuhi kehendak kemanusiaan tetapi juga memperbaiki keadaan hidup sosial manusia.

Pembangunan juga membawa pengertian perubahan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lebih baik, peningkatan kualiti hidup dan pembaharuan dalam kemajuan hidup.²⁴ Manakala istilah pembangunan ini sering diguna pakai oleh pakar ekonomi serta para pembuat dasar untuk menggambarkan kemajuan sesebuah negara.²⁵

²¹ Rahimah Abd Aziz (2001), *Pengantar Sosiologi Pembangunan*, c. 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 58-59.

²² Konsensus bermaksud persetujuan bersama terhadap sesuatu perkara. Lihat Noreshah Baharom (2007), *Kamus Dewan* c.4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 816.

²³ Syed Husin Ali (1976), *Apa Erti Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1-15.

²⁴ Lihat: *Malaysia Negara Islam*, Jabatan Kemajuan Islam, <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/nislam2.html>, capaian pada 16 Mac 2009.

²⁵ Syed Ali Tawfik al-Attas (2007), *Pembangunan dari Perspektif Islam*, dalam Muhamad Hisyam Muhamad (ed.), *Perutusan Ketua Pengarah Jakim*, [s.l.]. Institut Kefahaman Islam Malaysia : MPH Group Publishing, h. xv.

Pembangunan juga dinyatakan sebagai proses usaha untuk menyusun (bersifat proaktif) sesebuah masyarakat atau negara ke arah memajukan dan meningkatkan kualiti hidup manusia di peringkat individu dan masyarakat.²⁶

Ringkasnya pembangunan bukan sahaja melibatkan pertumbuhan ekonomi tetapi juga pertumbuhan serta perubahan dalam bidang sosial dan kebudayaan. Oleh itu berdasarkan takrif yang diutarakan ini, dapat disimpulkan bahawa pembangunan dari segi bahasa dan istilah membawa maksud sesuatu usaha untuk membangunkan atau meningkatkan sesuatu perbuatan bagi memajukan serta mengembangkan. Ia juga boleh didefinisikan sebagai satu proses untuk meningkatkan kehidupan manusia ke tahap yang lebih tinggi merangkumi segenap aspek kehidupan manusia dalam ekonomi, politik dan sosial.

2.2.1 Konsep Pembangunan Menurut Islam

Dalam konteks Islam, pembangunan bermaksud keupayaan untuk mewujudkan ciri-ciri keislaman dalam diri individu, keluarga, masyarakat dan pengurusan sesebuah negara.²⁷ Pembangunan yang dapat menyatupadukan keperluan jasmani dengan keperluan rohani dengan memberikan keseimbangan dalam hal keduniaan mahupun akhirat melalui proses yang harmonis dan dinamis berpaksikan kepada manhaj al-Quran dan as-Sunnah. Menurut Ja`far Shaykh Idris, pembangunan merupakan sesuatu perkara yang bermakna dalam kehidupan seseorang selain daripada keuntungan material.²⁸

²⁶ *Ibid.*, h.13.

²⁷ Muhammad al-Buraey (1992), *Pembangunan Pentadbiran Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.viii.

²⁸ Ziaudin Sadar (1990), *Islamic Future – The Shape Of Ideas To Come*. Mohd Sidin Ishak (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 278-280.

Manakala Dr. Yunus A. al-Batriq mentakrifkan pembangunan dalam Islam itu bersifat syumul dan bersepadu kerana ia mendasarkan tauhid yang dilihat dari dua aspek. Aspek pertama yang ditekankan mengenai hubungan manusia dengan Allah S.W.T. sebagai pencipta yang mutlak bagi alam semesta. Aspek kedua pula mengenai hubungan manusia dengan manusia lain dalam masyarakat sebagai rakan dan saudara.²⁹

Sementara Fathi Yakan mengatakan bahawa pembangunan (al-Tanmiyyah) membawa maksud peningkatan, kebangkitan dan pertambahan. Ianya dapat difahami dalam konteks Islam peningkatan dan pertambahan yang dikatakan itu dari semua aspek kehidupan manusia. Hal ini kerana sifat kehidupan itu sentiasa berubah dan tidak ada berhenti-henti melainkan dengan kematian.³⁰

Berpandukan pandangan sarjana-sarjana Islam, dapat dinyatakan bahawa pembangunan dalam Islam memberikan dua fokus utama iaitu kekuatan intelektual dan kekuatan taharah dengan merangkumi semua aspek. Pembangunan yang mengutamakan pembinaan insan dengan penyusunan semua bidang kehidupan kepada sistem nilai yang berteraskan prinsip *tazkiyah al-nafs* atau pembersihan jiwa. Apabila pemupukan kehidupan dilakukan secara bersepadu, potensi kebaikan yang terdapat dalam diri manusia akan mengalami proses pengembangan dan membentuk manusia menjadi insan ciptaan Allah dalam sebaik-baik ciptaan.

²⁹ Yunus A. al-Batriq (1994) "Perancangan Pembangunan Ekonomi Dalam Merangka Islam" *Dalam Islam dan Pembangunan Persatuan Sains Sosial Islam*. Syed Omar Syed Agil (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 51.

³⁰ Shaikh Abdullah Bin Hassan (2006), "Konsep Pembangunan Modal Insan Berkiblatkan Ajaran Islam" (Kertas Kerja Seminar Persidangan Antarabangsa Pembangunan Aceh, Universiti Kebangsaan Malaysia),h.172.

Disebabkan itulah, dalam Islam pembangunan manusia dipandang suatu perkara utama dan diberikan penekanan terlebih dahulu daripada aspek-aspek lain. Menurut kacamata Islam pembangunan bukan hanya berjaya mendirikan bangunan-bangunan pencakar langit tetapi dalam masa yang sama pembangunan itu memberikan kebaikan kepada yang mengalami proses pembangunan. Tiada nilainya kemajuan yang dikecapi sekiranya pembangunan itu tidak berupaya melahirkan manusia yang berkualiti.

Justeru dalam Islam, sesuatu pembangunan yang hendak dibina mestilah mempunyai keseimbangan dari aspek fizikal, mental dan spritual serta duniawi mahupun ukhrawi. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran bahawa manusia dijadikan daripada dua unsur iaitu jasad dan roh. Firman Allah:

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ ۖ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنسَانِ مِن طِينٍ ﴿٧﴾
 ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُ مِن سُلَالَةٍ مِّن مَّاءٍ مَّهِينٍ ﴿٨﴾ ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ
 فِيهِ مِن رُّوحِهِ ۖ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ
 قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

Terjemahannya :

“Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu Dengan sebaik-baiknya, dan dimulainya kejadian manusia berasal dari tanah; Kemudian ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) Yang sedikit dipandang orang; Kemudian ia menyempurnakan kejadiannya serta meniupkan padanya, roh ciptaannya, dan ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) (supaya kamu bersyukur tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.”

Al- Sajadah (32): 7-9

Kedua-dua unsur ini tidak dapat dipisahkan dan saling memerlukan antara satu sama lain. Keduanya perlu dibangunkan seiring tanpa melebihkan salah satu daripadanya.

Sekiranya wujud ketidakseimbangan di antara keduanya pasti akan memberikan kecelakaan kepada diri manusia. Hal ini kerana pembangunan yang menafikan tuntutan Tuhan dan keperluan rohani disifatkan sebagai jalan menuju ke arah kemusnahan dan penderitaan. Tambahan lagi pembangunan bukannya matlamat terakhir dalam kehidupan manusia tetapi pembangunan itu hanyalah alat untuk melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah di bumi.³¹

Walaupun Islam lebih menekankan kepada aspek pembangunan manusia di dalam pembangunan. Bukan bermakna Islam menolak pembangunan yang bersifat fizikal. Islam turut memberikan penekanan kepada pembangunan yang berbentuk fizikal dengan memberikan garis panduan yang harus dilaksanakan oleh manusia melalui tiga ciri berikut:

- a) Selari dengan kehendak syarak ataupun tidak melanggar batasan syarak dari segi maksud dan matlamatnya, pembangunan yang memberikan manfaat kepada manusia sama ada dalam konteks memudahkan urusan ataupun mempertingkatkan mutu hidup dan pembangunan yang tidak menimbulkan kerosakan dan kemusnahan di bumi ini.³²
- b) Ia juga hendaklah dilakukan bersifat komprehensif atau menyeluruh. Iaitu mengambil kira dari segi kuantiti dan kualiti aspek spiritual dan material serta meliputi semua golongan masyarakat. Begitu juga dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan keharmonian rumahtangga, pendidikan dan taraf kesihatan.³³

³¹ Muhamad Syukri Salleh (1987), *Pembangunan Berteraskan Islam*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hal. ix.

³² Jabatan Hal Ehwal Khas (2004), *Islam Hadhari: Perjuangan Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Islam Yang Maju, Progresif dan Moderate*. Kuala Lumpur: Kpg Resources Sdn. Bhd., h. 15.

³³ *Ibid.*

- c) Selain itu, pembangunan yang dilaksanakan haruslah merupakan satu pembangunan yang menetapkan pengawalan ke atas sumber sekitar supaya tidak berlakunya kemusnahan dan pencabulan ke atas sistem ekologi yang telah membawa porak-peranda di dunia pada masa kini.³⁴

Melalui ciri-ciri yang dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa Islam juga menitikberatkan pembangunan fizikal tanpa mengabaikan pembangunan rohani. Ia langsung tidak bertepatan dengan gambaran yang sering diperkatakan oleh sesetengah pihak bahawa agama Islam itu anti pembangunan dan bersifat spiritual sahaja.³⁵ Dakwaan itu telah dijawab dengan jelas oleh al-Quran. Sebagaimana Firman Allah:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ
فَضْلِ اللَّهِ وَادْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Terjemahannya :

Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa Yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam Segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).

Surah al-Jumu'ah (62): 10

Jawapan itu telah menyatakan dengan terperinci bahawa Islam adalah agama yang syumul dan lengkap merangkumi segenap aspek kehidupan mahupun akhirat. Bukan hanya memfokuskan kehidupan akhirat dan mengabaikan kehidupan di dunia.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Muhamad Nur Manuty (1993), "Permasalahan Imej Islam di Dunia Moden", dalam *Siri Bengkel Kefahaman Islam 2*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h.27.

Tetapi Islam menekankan keseimbangan terhadap umatnya. Konsep keseimbangan sebeginilah yang dibawa dan diperkenalkan oleh Islam sejak 1400 hijrah dulu lagi kepada seluruh umat Islam melalui kitab suci al-Quran. Al- Quran mengajar umat Islam agar tidak melampaui batas dalam setiap perkara yang dilakukan. Semua urusan sama ada urusan yang berkaitan dunia mahupun akhirat dilakukan dengan serentak tanpa mengabaikan salah satu darinya.

Ia adalah satu konsep lengkap dan menuju *al-falah* merangkumi semua aspek kehidupan manusia, sama ada fizikal, mental, spritual dan mengimbangi tuntutan dunia serta akhirat.³⁶ Perlaksanaannya dipaksikan dan diikat dengan ketauhidan kepada Allah. Manakala indeks matlamat kejayaannya ialah mendapat keredaan Allah SWT. Sebagaimana Firman Allah :

وَأَتَّبِعِ أَتْلَكُ ٱللَّهُ ٱلْدَّارَ ٱلْآخِرَةَ ٱط وَلَا تَنْسَ
 نَصِيبَكَ مِنْ ٱلدُّنْيَا وَأَحْسِنَ ٱط كَمَا أَحْسَنَ ٱللَّهُ
 إِلَيْكَ ٱط وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِي ٱلْأَرْضِ ٱط
 إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan "

Surah al-Qasas (28): 77

³⁶ *Ibid.*, h. vii.

Konsep pembangunan sebeginilah yang berupaya mewujudkan satu suasana yang harmoni bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera lagi seimbang. Syed `Uthman al-Habsyi juga telah menyatakan bahawa konsep pembangunan dalam Islam, ialah merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, politik, sosial dan budaya. Keseluruhan aspek itu hendaklah dilaksanakan untuk mencapai keredaan Allah SWT. Apabila semuanya dilakukan sebegini, barulah manusia akan memperolehi kejayaan dalam erti kata yang sebenar.³⁷

Begitu juga menurut Imam al-Ghazali, manusia diciptakan dengan tiga aspek utama iaitu fizikal, mental dan spiritual.³⁸ Oleh itu konsep pembangunan dalam Islam, tidak boleh lari daripada merangkumi ketiga aspek utama ini. Pengabaian konsep ini, dalam proses pembangunan merupakan satu penyimpangan dari falsafah Islam dan menimbulkan masalah kepada manusia.

Hal ini juga telah dijelaskan oleh Yusuf al-Qaradawi bahawa konsep pembangunan dalam Islam itu mengabungkan aspek ekonomi dan agama. Keduanya tidak boleh dipisahkan. Hal demikian kerana ekonomi itu perkara yang berkaitan dengan benda manakala agama pula perkara yang berkaitan kerohanian. Sekiranya salah satu daripadanya sahaja yang diambil dan diberikan tumpuan pasti akan memberikan mudarat kepada seseorang manusia.³⁹

³⁷ Muhammad Syukri Salleh (1990), "Ke arah Pembentukan Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam" dalam Muhammad Syukri Salleh ed. *Konsep dan pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h.xii .

³⁸ Shaykh Abdullah, op.cit., h.168.

³⁹ Al-Qaradawi Yusuf (1997), *Membangun Masyarakat Baru*. Jakarta : Gema Insani Press h.23.

Menurut Khursid Ahmad, terdapat empat konsep asas dalam pembangunan Islam. Konsep itu terdiri daripada Konsep Tauhid, Konsep Rububiyah, Konsep Khalifah dan Konsep Tazkiyah. Dalam Konsep Tauhid (keesaan dan kekuasaan Allah), perkara yang dinyatakan ialah mengenai peraturan-peraturan dalam hubungan Tuhan dengan manusia dan hubungan manusia sesama manusia.⁴⁰

Manakala Konsep Rububiyah (sifat Allah sebagai penguasa yang membuat peraturan-peraturan bagi menampung dan menjaga serta mengarahkan kehidupan makhluk ke arah kesempurnaannya) menjelaskan mengenai hukum asas yang telah Allah tetapkan dalam hal yang berkaitan alam sejagat agar pembangunan sumber-sumber alam dilakukan secara bermanfaat. Begitu juga dalam hal berkaitan hubungan sesama manusia. Kemudiannya dalam Konsep Khilafah (peranan manusia sebagai utusan Allah di bumi) menyatakan dengan jelas sekali peranan dan tanggungjawab yang harus dimainkan oleh manusia sebagai seorang muslim, Islam dan umat Islam yang diamanahkan sebagai khalifah Allah di bumi.

Konsep inilah yang ditekankan dalam Islam bahawa manusia itu sebagai pemegang amanah Allah dan berperanan dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan akhlak, politik dan ekonomi serta prinsip-prinsip pengaturan masyarakat. Konsep asas terakhir ialah *tazkiyah* (penyucian dan pertumbuhan yang sewajarnya), konsep ini menyatakan mengenai misi setiap para nabi Allah yang diutuskan ke bumi untuk menyucikan manusia dalam hubungannya dengan Allah, hubungan sesama manusia, hubungan manusia dengan alam sekitar dan hubungan manusia dengan masyarakat serta negara.

⁴⁰ Muhamad Kamal Hassan (1981), “ Konsep dan Perlaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam”, dalam Muhamad Syukri Saleh (ed.), *Pembangunan Yang Berteraskan Islam*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia. h. 5.

Akhirnya matlamat konsep *tazkiyah* ini membawa manusia memperoleh kejayaan iaitu *al-falah* di dunia dan akhirat.

Oleh sebab itu, Islam telah memberikan penekanan yang serius agar tumpuan tidak diberikan terhadap satu aspek sahaja sehingga mengabaikan aspek-aspek lain dalam proses pembangunan. Sebagaimana yang telah berlaku dalam doktrin⁴¹ kapitalis⁴² dan sosial Barat yang menyifatkan pembangunan itu hanya terfokus kepada ekonomi dan sosial sahaja. Mereka begitu berbangga dengan pencapaian ekonomi yang dikecapi, tanpa mempedulikan nilai-nilai moral dan etika dalam kehidupan mereka. Lantaran ini, negara-negara mereka dilanda krisis sosial yang agak teruk. Oleh yang demikian, keadaan ini jelas menunjukkan konsep pembangunan yang dibawa oleh Islam itu memberikan kebaikan kepada manusia.

Islam membangunkan kesemua elemen dalam diri manusia tanpa mengetepikan sistem nilai kehidupan yang berteraskan prinsip *takziyah al-nafs* yang memupuk kehidupan bersepadu. Selain itu juga Islam menekankan konsep keseimbangan yang amat menepati kehendak dan keperluan dalam setiap diri manusia meliputi aspek fizikal, mental dan rohani. Apabila keperluan aspek-aspek ini dapat dipenuhi dengan seimbang. Potensi kebaikan dalam diri seseorang manusia itu dapat dikembangkan selari dengan kedudukannya sebagai insan yang diciptakan oleh Allah SWT dengan sebaik-baik ciptaan. Hasil dari keseimbangan ini, akan lahir masyarakat dan negara yang sempurna dan berkualiti.

⁴¹Doktrin: membawa maksud prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar dan satu-satunya yang dapat diterima. Lihat Hajjah Noreshah Baharom (2007), *Kamus Dewan* ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.360.

⁴²Kapitalis: orang yang mempunyai kefahaman kapitalisme, Kapitalisme membawa pengertian sistem ekonomi yang di pemilikan harta benda dan industri perniagaan lebih banyak tertumpu pada sektor swasta daripada kerajaan. Keuntungan diutamakan. Lihat: Hajjah Noreshah Baharom (2007), *Kamus Dewan* ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 674.

2.2.2 Konsep Pembangunan Menurut Barat

Pembangunan ditakrifkan sebagai satu proses yang dapat melepaskan manusia daripada pelbagai bentuk pergantungan kemanusiaan dan merupakan sebahagian daripada proses perubahan sosial yang menyeluruh sifatnya. Begitu juga dengan ekonomi, politik, dan kebudayaan supaya masyarakat dapat mengalami kesempurnaan hidup untuk jangka masa panjang. Pembangunan juga telah dibahagikan kepada dua kategori besar, sama ada pembangunan yang dirancang ataupun yang tidak dirancang.⁴³

Namun begitu kita dapati hampir keseluruhan dunia selama ini, memberikan tumpuan kepada aspek pembangunan yang dirancang. Pembangunan berbentuk sebegini, melibatkan manusia itu sendiri yang merancang dan melaksanakan sebagaimana yang diinginkan. Tindakan ini sering diungkapkan sebagai *sosial engineering* yang akan melibatkan banyak pihak untuk menjayakannya sebagai perencana, penerima dan yang paling utama ialah pembiayaannya.⁴⁴

Pada peringkat awalnya kebanyakan sarjana Barat menafsirkan konsep pembangunan ini berteraskan kepada ekonomi sahaja tanpa melibatkan aspek-aspek lain. Walaupun begitu terdapat juga golongan sarjana yang tidak berpendapat sedemikian. Mereka berpendapat bahawa pembangunan adalah proses yang melibatkan ekonomi dan sosial. Menurut Todorov pembangunan adalah proses yang melibatkan penyusunan dan pengorientasikan semula sistem ekonomi dan sosial.⁴⁵

⁴³ Shamsul Amri Baharuddin, (1990) *Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.1.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Rahimah Abd Aziz (1989), *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 59.

Pembangunan bukan sahaja melibatkan pertambahan kepada pendapatan dan pengeluaran, bahkan juga mengambil kira perubahan institusi sosial, struktur pentadbiran, pendapat umum, adat resam dan kepercayaan. Seers pula berpendapat bahawa pembangunan adalah proses yang berlaku apabila terhapusnya kemiskinan, kurangnya jumlah pengangguran serta rapatnya jurang ketidaksamaan dan kemiskinan.⁴⁶

Manakala Goulet menyatakan bahawa pembangunan itu sebagai industrialisasi dan permodenan. Dalam erti kata lain ia membawa maksud yang luas, iaitu meninggikan tingkat kemuliaan manusia dalam sesebuah masyarakat tertentu.⁴⁷ Bagi ahli sarjana sains sosial dan kemanusiaan pula, mereka berpendapat pembangunan boleh ditakrifkan sebagai satu bahagian daripada proses perubahan sosial yang menyeluruh sifatnya.⁴⁸ Richard Gable juga mentakrifkan pembangunan sebagai satu proses perubahan sosial yang berstruktur asas dan transformasi fungsinya dibuat oleh sistem sosial supaya kebebasan manusia bertindak dapat dipertingkatkan.⁴⁹

Dengan ini dapat difahami bahawa pengertian pembangunan dalam konteks sarjana Barat, merupakan satu konsep pembangunan yang bergantung kepada falsafah dan teori berasaskan pertumbuhan ekonomi, keuntungan fizikal dan jasmani. Tanpa mementingkan aspek spiritual dan nilai-nilai murni. Keuntungan material menjadi fokus utama sebagai kayu pengukur dalam mencapai tahap kemajuan dalam sesebuah negara.

⁴⁶ Ron Ayres(1996), *Development And Studies, An Introduction Through Selected Reading*, Greenwich: University Press. h 4-5

⁴⁷ Goulet (1971), *The Myth of Aid The Hidden Agenda of The Development Reports Goulet*, Publisher Idoc North America, h. 10.

⁴⁸ Shamsul Amri Baharuddin .Opit cit. h. 1.

⁴⁹ Gable,Richard w. Publisher (1976) *Administering Agricultural Development In Asia : A Comparative Analysis of Four National Programs ,W. Publisher: Westview Press.*

Konsep pembangunan yang dibawa oleh Barat menganggap bahawa pembangunan yang melibatkan etika moral dan nilai-nilai kerohanian tidak perlu kerana ia tidak akan memberikan apa-apa keuntungan. Hal ini terjadi disebabkan kepercayaan dan mitos tamadun Barat itu sendiri. Sejak awal kewujudannya, mereka telah mempunyai sikap anti agama. Mereka beranggapan bahawa nilai-nilai murni dan moral serta agama sebagai satu anasir yang menghalang kelancaran perkembangan pembangunan yang ingin dilaksanakan.⁵⁰

Apabila sesuatu perkara itu dilakukan hanya berpandukan kepada akal fikiran manusia tanpa ada garis panduan tertentu, pastinya akan sentiasa berubah-ubah mengikut kepuasan emosi sendiri dan bukannya menumpukan kepada kepentingan sejagat. Konsep sebegini pastinya akan membawa masalah kepada manusia itu sendiri dan hanya berupaya memberikan kebaikan yang bersifat sementara sahaja untuk jangka masa tertentu.

Lantaran menyedari konsep pembangunan berorientasikan Barat sebegini, kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan dengan mengkaji semula agenda pembangunan negara agar dasar pembangunan negara tidak lagi hanya berpaksikan pembangunan yang bersifat fizikal sahaja. Tetapi mengimbangi fizikal, mental dan rohani sebagai teras dalam melahirkan manusia yang berkualiti. Oleh yang demikian, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan di bawah kepimpinan perdana menteri ketika itu, satu pendekatan drastik telah dilakukan dengan menfokuskan pembangunan modal insan sebagai agenda utama dalam pembangunan negara.

⁵⁰ “Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Pembangunan Dan Bagaimanakah Hendak Mengwujudkan Pembangunan Yang Adil Dan Berkekalan”(2007), (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Dan Isu-Isu Global (MTP 3012), h.5-6.

2.3 Konsep Dan Ciri-Ciri Pembangunan Modal insan

Modal insan merupakan isu global pembangunan insan yang telah lama wujud dan dibincangkan sejak zaman berzaman dalam pelbagai wadah dan wacana. Ia bukanlah perkara baru walaupun baru diketengahkan dalam negara kita. Namun begitu isu ini hendaklah diberikan perhatian serius oleh masyarakat Malaysia. Hal ini kerana modal insan dalam konteks Malaysia, merupakan elemen kritikal dalam mencapai Misi Nasional negara dan inisiatif ke arah pembangunannya telah menjadi teras utama dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010).⁵¹

Perkataan modal insan adalah terjemahan kepada istilah atau terma dalam Bahasa Inggeris "*human capital*". Istilah "*human capital*" merupakan satu konsep ekonomi yang melihat manusia sebagai modal. Menurut Kamus Dewan, modal bermaksud wang atau harta benda yang dipergunakan untuk mendapatkan atau mencapai sesuatu yang lain manakala manusia pula ditakrifkan sebagai makhluk yang mempunyai akal budi dan boleh berfikir serta mempunyai daya upaya.⁵²

Oleh itu berdasarkan pengertian yang diperolehi daripada Kamus Dewan, modal manusia itu dapat difahami merujuk kepada harta yang ada pada diri manusia, iaitu akal budinya dan dengannya manusia dapat mencapai sesuatu yang lain. Akal merujuk kepada fikiran atau kebolehan manusia untuk berfikir dan mencapai ilmu. Manakala budi pula merujuk kepada keupayaan manusia untuk bertindak.

⁵¹ Ahmad Fazullah B.Mohd Zainal Abidin et al.(eds), (2007) *Modal Insan Konsep, Aplikasi dan Isu-Isu Kontemporari Dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Insan*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang,h.xiii.

⁵² Hajah Noreshah Hj Baharom (2007), *Kamus Dewan,c.4*.Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.1038.

Kedua-duanya menjadi sandaran utama bagi manusia untuk mengembangkan modal diri iaitu dengan mendapatkan pendidikan latihan dan lain-lain lagi yang berkaitan.

Istilah Modal insan bukanlah satu istilah baru. Bahkan telah diperkatakan seawal tahun 1776 oleh Adam Smith yang merupakan orang pertama yang mempelopori teori ekonomi klasikal. Beliau telah membincangkan konteksnya dengan memberikan definisi istilah 'modal' atau '*capital*'. Menurut catatannya ketika menghitung stok modal negara *the capital stock of nation*, apa jua bakat dan kemahiran yang dimiliki oleh rakyat sesebuah negara itu dianggap sebagai modal insan.⁵³

Terdapat pelbagai pandangan mengenai takrif modal insan. Antaranya pendapat yang mengatakan sebagai himpunan atau stok ilmu-ilmu yang bercorak teknikal dan kemahiran-kemahiran pengeluaran yang terdapat dalam sesuatu jenis pekerjaan atau penubuhan. Di samping itu ada juga yang berpendapat bahawa istilah modal insan atau *human capital* ini menyerupai istilah yang pernah diutarakan oleh Karl Marx pada 1867 tentang konsep '*Labor-power*' atau kuasa buruh.⁵⁴

Manakala menurut Paul Romer seorang profesor dan tokoh ekonomi terkenal di Universiti Standford USA, modal insan merupakan himpunan atau stok ilmu pengetahuan dan kemahiran (ketrampilan) individu itu dalam menghasilkan pengeluaran atau berproduksi.⁵⁵

⁵³ Loroche, M. and Merette, M (1999), *On The Concept and Dimensions of Human Capital in Knowledge- Based Economy Context*, Canadian Public Policy- Analyze DePolitiques, vol. XXV, no.1.

⁵⁴ Lihat: http://en.wikipedia.org/wiki/Human_capital, capaian pada 23.10.09.

⁵⁵ Elwin Tobing (1994), "Pendidikan dan Pertumbuhan economic (1)" dalam *The Prospect*. Indonesia: Suara Pembaharuan Indonesia, h.3.

Dalam laporan *OECD Organization For Econ Cooperation and Development* pula, *Human Capital* ditakrifkan sebagai *knowledge, skills, competence and other attributes embodied in individual that are relevant to economic activity*.⁵⁶

Modal insan atau *Human Capital* juga membawa maksud satu cara bagaimana seseorang itu ditentukan atau dikategorikan berdasarkan kepada keupayaan atau kebolehan dan kemahiran yang ada padanya dalam pekerjaan atau bagaimana seseorang itu boleh memberikan pulangan pendapatan (*return of investment*) kepada organisasi atau sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Menurut Laroche dan Merette, modal insan merupakan satu himpunan keupayaan dalaman, pengetahuan dan kemahiran yang dibina dan dimiliki setiap individu sepanjang hayatnya *as the aggregation of the innate abilities and the knowledge and skills that individuals acquire and develop throughout their lifetime*.⁵⁷

Menurut mereka, keupayaan dalaman bermaksud gambaran tentang potensi intrinsik dalam memperolehi kemahiran oleh seseorang individu. Selanjutnya mereka merumuskan ‘modal insan’ sebagai keseluruhan aspek keupayaan fizikal, intelektual dan psikologi yang dimiliki oleh seseorang individu sejak dilahirkan ke alam ini untuk dimanfaatkan kepada organisasi. Sementara menurut Becker, modal insan ialah yang berkaitan dengan pengetahuan, maklumat, idea-idea, kemahiran dan tahap kesihatan yang dimiliki oleh seseorang individu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.⁵⁸

⁵⁶Brian Keeley (2007), “Lifelong Learning and Human Capital”, in *Policy Brief*, Organisation For Economic Co-Operation And Development page 1.

⁵⁷ Abd Rahman Ahmad (2006), *Pembangunan Modal insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Kedah : Human Resources Academy, h. 12.

⁵⁸ *Ibid.*, h.13.

Asasnya dapat disimpulkan bahawa modal insan, merujuk kepada himpunan kemahiran produktif dan pengetahuan teknikal dalam diri pekerja, iaitu golongan yang menguasai ilmu pengetahuan secara bersepadu, pelbagai dalam semasa, lantas kecemerlangan intelektual seseorang dapat dikembangkan, kekuatan peribadi dapat ditampilkan dan ketangkasan jasmani dapat dibangunkan.⁵⁹ Contohnya seorang pekerja yang berkelayakan dan berkemahiran dianggap bernilai kepada pasaran ekonomi berdasarkan output berkualiti yang dihasilkan mengikut sasaran dan piawaian yang ditetapkan oleh organisasi. Hal ini bermakna semakin tinggi ilmu, pengetahuan dan kemahiran pekerja, semakin tinggi nilainya kepada ekonomi dan sebaliknya adalah nilai pengukuran ekonomi bagi set kemahiran seorang pekerja.⁶⁰

Namun istilah modal insan, telah mula dilupai oleh para ahli ekonomi sehinggalah pada awal tahun 1960an. Menurut Wikipedia, istilah modal insan mula digunakan kembali dalam tulisan ekonomi neo-klasik moden bertajuk ‘Pelaburan Dalam Modal insan’ atau ‘*Investment in Human Capital*’ pada terbitan *The American Economic Review* dalam tahun 1961 oleh pemenang nobel Theodore Schultz dan dibukukan di atas tajuk yang sama pada tahun 1971.⁶¹

Kemudian konsep istilah modal insan, telah diperbahaskan dan diperincikan oleh dua orang tokoh ekonomi dari Universiti Chicago iaitu Jacob Mincer dan Gary Becker pada tahun 1964. Seterusnya pula Gary Becker menghasilkan buku yang bertajuk ‘*Human Capital*’ dan telah dijadikan bahan rujukan untuk beberapa tahun berikutnya.

⁵⁹Abdullah Md Zin (2006), “*Pendekatan Islam Hadhari Ke Arah Melahirkan Modal insan Terbilang*”, dalam (Kertas Kerja Ulul Albab Hotel Primula Kuala Terengganu, pada 21 September 2006).

⁶⁰Munira Abdul Razak (2007), “Memahami Modal insan: Konsep dan Aplikasi Kontemporari” dalam Ahmad Fazullah Bin Mohd Zainal Abidin et al.(eds), *Modal Insan Konsep, Aplikasi Dan Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Islam*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang,h.3.

⁶¹ Abd Rahman Ahmad (2006), op.cit., h.10.

Walaupun begitu menurut Laroche dan Merette, Jacob Mincer telah mengeluarkan artikelnya lebih awal lagi pada tahun 1958 dengan tajuk '*Investment in Human Capital and Personal Income Distribution*' dalam *Journal Political Economy*. Walaupun begitu konsep Modal insan atau *Human Capital* ini telah mendapat kritikan dari teori ekonomi buruh moden (*Modern Labor Economics*).⁶²

Hal ini disebabkan teori modal insan telah mempersoalkan tentang keterikatan penjelasan yang dibuat berhubung perbezaan bayaran upah atau gaji dengan modal insan atau *human capital*. Bagi teori ekonomi buruh moden, konsep modal insan yang mereka fahami adalah bersifat anjal yang merangkumi aspek yang boleh diukur dan yang tidak boleh diukur.

Justeru penilaian yang secukupnya perlu diwujudkan bagi memastikan sesuatu ketetapan itu dibuat dengan mengambil kira pengukuran yang sewajarnya dari segi tanggungjawab dan pertanggungjawaban para pekerja.⁶³ Namun kini istilah modal insan telah menjadi satu bahasa perniagaan (*Business Language*) apabila seseorang membicarakan tentang sumber manusia yang ada di dalam sesebuah organisasi. Modal insan telah dianggap sebagai tanggungjawab strategik yang harus diketahui dan dikuasai oleh para pengurus atau kepimpinan organisasi apabila mereka ingin membawa perubahan dan nilai baru di dalam organisasi masing-masing.

⁶² *Ibid.*

⁶³ *Ibid.*, h. 11.

Disebabkan itu, mantan Perdana Menteri Malaysia ke-5 dalam RMK-9 telah memberikan tumpuan yang khusus mengenai aspek modal insan.⁶⁴ Hal ini kerana beliau berpendapat modal insan ini merupakan satu elemen penting dalam pembangunan dan insanlah merupakan faktor utama dalam strategi dan pelan tindakan untuk menggerakkan aktiviti dan pembangunan negara.⁶⁵ Di samping itu juga beliau mempunyai hasrat agar negara mempunyai modal insan yang berkualiti dan mempunyai minda kelas pertama pada jangka masa akan datang.

Namun begitu modal insan yang ingin dilaksanakan di Malaysia mempunyai kelainannya dari konsep *human capital* yang sedia ada. Modal insan yang ingin dibangunkan bukan hanya berpandukan kepada keupayaan fizikal sahaja tetapi mengambil kira semua aspek meliputi akhlak, etika dan nilai-nilai murni yang ada dalam diri modal insan.

Dalam erti kata lain pembangunan modal insan yang ingin dilaksanakan di negara ini adalah satu proses membangunkan masyarakat Malaysia dengan mempunyai penguasaan ilmu pengetahuan, pengamalan nilai-nilai murni, mempunyai jiwa yang bercita-cita tinggi, cintakan negara, memiliki kekuatan fizikal, kekuatan moral, dan keutuhan spiritual. Hal ini memperlihatkan satu agenda kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan dan memperkukuhkan jati rakyat dalam segenap lapangan hidup.

⁶⁴ Abdullah Ahmad Badawi- merupakan perdana menteri Malaysia ke 5 yang mula menekankan kembali konsep pembangunan modal insan dalam gagasan Islam Hadhari. Lihat: *Pembangunan Modal Insan , Koleksi Ucapan Dato 'Seri Abdullah Ahmad Badawi*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia.

⁶⁵ Amini Amir Abdullah(2006), "Pembangunan Dan Kemajuan Modal Insan Dalam Rancangan Malaysia Ke sembilan (RMK-9): Satu Penelitian" dalam Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim et. al. (Kertas Kerja Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan Universiti Malaya).h131.

Apabila negara mempunyai insan atau rakyat yang berkualiti, sudah tentulah pelaksanaan dan pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan begitu baik. Namun jika sebaliknya yang berlaku, pasti wawasan 2020 dan hasrat negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tidak dapat dicapai.

Oleh itu dapat difahami bahawa konsep pembangunan modal insan yang ingin dilaksanakan adalah satu gagasan kerajaan untuk melahirkan warga negara Malaysia yang mempunyai minda kelas pertama, berkualiti dalam segala aspek fizikal, mental dan spiritual serta mempunyai nilai-nilai murni. Fokus utama yang diberikan ialah untuk melahirkan manusia yang mempunyai kualiti dari segi ilmu pengetahuan iaitu pemikiran nilai-nilai murni dan kemahiran. Ekoran itu, pendekatan utama yang dilakukan dengan memperkasakan insan sebagai individu dan anggota kelompok atau komuniti yang berkualiti.⁶⁶

Menurut Ibnu Khaldun, hidup sesuatu masyarakat itu bergantung kepada keseimbangan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap ahli masyarakat iaitu yang terdiri dari anggota keluarga asas, barisan kepimpinan politik, peniaga, para seniman, tokoh ulama, tokoh pendidikan dan tokoh golongan muda yang bakal mewarisi pemerintahan sesuatu masyarakat.⁶⁷ Keadaan ini berbeza dengan Barat yang hanya memfokuskan kepada keupayaan fizikal sahaja.

⁶⁶ Muhamad Nubli `Abdul Wahab (2007), "Proses Pembangunan Modal insan", dalam Ahmad Fazullah Mohd et al (eds)., *Modal insan: Konsep, Aplikasi dan Isu-isu Kontemporari Dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Insan*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang, h. 13-24.

⁶⁷ Saleh Faghizadeh (2004), *Sosiologi Sosiologi*. Mohd Fauzi Yaacob (terj.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, h.15-118.

Menurut Dr Rahimin, terdapat sepuluh ciri-ciri pembangunan modal insan yang ingin dilahirkan oleh kerajaan⁶⁸ :

1. Rakyat yang berpegang kepada ajaran agama dan adat ketimuran, ianya bertepatan dengan falsafah perrenialis yang dicirikan dengan;

- Metafizika yang memperlihatkan kewujudan hakikat Ilahi dan ketuhanan di dalam segala sesuatu kehidupan dan fikiran.
- Suatu psikologi yang memperlihatkan adanya sesuatu dalam jiwa manusia yang berkaitan dengan elemen ketuhanan.
- Etika yang memperjelaskan hakikat dan tujuan akhir kehidupan manusia yang mempunyai kaitan dengan elemen ketuhanan.

2. Rakyat yang berjiwa merdeka dan tinggi semangat patriotismenya.

- Ingin mengekalkan nisbah merdeka – Proses pengekalan dan pengisian kemerdekaan ini perlu diisi bukan setakat dengan mewujudkan pembangunan untuk semua rakyat, termasuk juga dengan usaha dan tanggungjawab menghapuskan kemungkar dan kezaliman yang berlaku di dalam masyarakat.
- Menjauhi sifat ataupun lawan kepada sifat merdeka; mentaliti tertawan.

⁶⁸ Rahimin Affandi Abdul Rahim (2009), “Konsep Asas Pembangunan Modal insan Mengikut RMK 9”, dalam *Jurnal Hadhari*. Bangi: Institut Islam Hadhari UKM, vol. 1.

- Tinggi semangat patriotisme- dilihat dari segi
 - Rasa sayang dan cinta kepada tanah airnya sendiri.
 - Rasa bangga dengan tanah airnya.
 - Kesiediaan untuk mempertahankan tanah airnya daripada ancaman dan serangan musuh sama ada musuh dalam ataupun luar.
 - Kesiediaan untuk membela kepentingan negara apabila dicemuh dan dihina.
- Rakyat yang memahami bahawa sifat kemerdekaan itu bukannya bererti bebas melakukan apa sahaja kehendak hatinya tanpa disertakan dengan tanggungjawab yang tertentu.

3. Rakyat yang mengamalkan sikap selektif terhadap cabaran globalisasi.

4. Rakyat yang mengamalkan kaedah pemikiran yang sihat, kritikal dan kreatif.

5. Rakyat yang tinggi sifat integriti dirinya- jujur, amanah, bertanggungjawab dan pandai bersyukur.

6. Rakyat yang mentakrifkan diri mengikut acuan sendiri dan bukannya bergantung kepada kriteria takrifan daripada pihak luar (seperti kuasa pasaran Barat). Kita patut menentukan falsafah, matlamat dan jalan hidup sendiri, bagi menjadikannya lebih bersesuaian dengan acuan Malaysia.

7. Rakyat yang mementingkan perpaduan dan kerukunan hidup dalam masyarakat.

8. Rakyat yang menentang semua elemen ektremisme – merujuk kepada :

- Extremisme; melampaui batas dan keseimbangan apabila mentafsir dan melaksanakan sesuatu peraturan ataupun hukum secara ekstrem.
- Chauvisnisme; taksud apabila menganggap fikiran atau kumpulan sendiri adalah yang terbaik, manakala fikiran atau kumpulan lain tidak benar dan mesti ditolak.
- Fanaticisme; tindakan membuta tuli (menghampiri psikosis) dalam mengikuti dan melaksanakan sesuatu cara, pendapat dan pendekatan sendiri tanpa mempedulikan bahkan menolak sekeras-kerasnya pendapat orang lain.

9. Rakyat yang mengamalkan budaya ilmu yang tinggi – merujuk kepada:

- Sikap cintakan ilmu melebihi faktor kebendaan yang lain.
- Pencapaian ilmu perlu dijelmakan dalam bentuk praktikal melalui akhlak yang mulia. Tidak ada gunanya, seseorang itu memperolehi pencapaian akademik yang tinggi seandainya tidak mempunyai akhlak yang mulia.
- Neraca kebenaran untuk sesuatu ilmu perlu dinilai dari perseptif al-Quran dan Sunnah.
- Proses pencapaian ilmu perlu dilakukan sepanjang hayat.
- Pengamalan sikap hormat-kritis terhadap seorang tokoh.

10. Rakyat yang memiliki proses penguasaan ilmu, dicirikan perlu mengandungi beberapa elemen yang utama;
- Pemahaman tentang pentingnya peranan ilmu di dalam kehidupan manusia, yang perlu disertakan dengan usaha proaktif untuk mencapai dan memilikinya.
 - Kadar usaha pencarian ilmu (mental dan fizikal) yang terpaksa dikeluarkan, seperti kesungguhan, kesabaran dan ketekunan yang tinggi.
 - Kesan yang terhasil daripada usaha kerja keras pencarian ilmu, seperti teguh, cekap, kuat, tidak mudah kalah dan berpengaruh.
 - Keupayaan mengurus, memperkembang dan mempertahankan sesuatu.
 - perkara hasil daripada usaha pencarian ilmu, seperti kewibawaan mengguna, menerap, memperelok dan mempengaruhi pihak lain dengan hasil ilmu yang dimiliki.

Berpandukan kepada ciri-ciri yang telah dinyatakan, beginilah rupa bentuk modal insan versi Melayu yang ingin dilahirkan oleh kerajaan dalam pembangunan modal insan melalui RMK-9. Pembangunan yang mengambil kira keadaan masyarakat, bangsa, agama dan budaya rakyat Malaysia. Hal inilah membezakan pembangunan modal insan dengan *human capital* sedia ada yang lebih mengutamakan keupayaan fizikal manusia sahaja.

Apabila keseimbangan pembangunan dalam diri manusia telah dibangunkan secara baik dari segi sudut intelek, akhlak, etika dan emosi serta fizikal sudah pasti pembangunan sedemikian dapat melahirkan modal yang berkualiti. Insan yang dapat melaksanakan tanggungjawab mentadbir negara dengan baik dan cekap sebagaimana hasrat wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuannya tersendiri.

Oleh kerana itu, perancangan dan strategi yang sempurna amat diperlukan di samping penekanan dan komitmen yang serius wajar diberikan oleh semua pihak dalam usaha merealisasikannya. Hal ini kerana proses pelaksanaan pembangunan modal insan bermula dengan pendidikan. Sekiranya pengisian program pendidikan yang dirancang dan direncanakan dalam pembangunan modal insan itu mantap dan berkualiti pastinya modal insan yang sempurna dapat dilahirkan.

2.4 Program Pembangunan Modal insan

Dalam proses untuk membentuk rakyat, masyarakat mahupun tenaga kerja yang cemerlang satu medium diperlukan. Ianya tidak lain ialah bentuk program dan latihan. Menurut Kamus Dewan, perkataan program membawa maksud rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan sama ada dalam pembangunan negara, perekonomian dan sebagainya.⁶⁹

⁶⁹ Hajah Noresh Hj Baharom (2007), *Kamus Dewan* ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1233.

Manakala di dalam *Kamus Mu'jam al-Wasit* menyatakan bahawa program merupakan kandungan yang mengandungi satu rancangan bertulis. Rancangan itu kemudiannya akan dilaksanakan dan memberikan kesan positif.⁷⁰ Walau bagaimanapun, dalam *Kamus al-Munjīd Fi Lughah Wā `Alam* pula menjelaskan program adalah kertas yang mengandungi agenda bertulis yang menerangkan sesuatu perancangan yang disertai dengan syarat-syarat dan akan dilaksanakan.⁷¹

Namun begitu, terdapat beberapa pendapat lain yang memberikan definisi yang berbeza tentang program, J.A. Simpson dan E.S.C Weiner menyifatkan program sebagai perihal yang berkaitan dengan senarai arahan atau aturcara serta maklumat yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan.⁷²

Martin H. Manser pula, program adalah suatu perancangan yang khusus atau tertentu untuk menjadikan sesuatu perkara itu kepada keadaan yang lebih baik daripada kebiasaannya.⁷³ Secara keseluruhannya program membawa maksud suatu perancangan aktiviti yang akan dilaksanakan serta mengandungi aturcara dan prosedur-prosedur untuk menyelesaikan masalah ke arah mencapai matlamat perancangan.

Latihan pula menurut Nadler latihan membawa maksud satu proses yang terancang dan sistematik untuk membangunkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan melalui proses pembelajaran bagi mencapai prestasi kerja yang efektif.⁷⁴

⁷⁰ Ibrahim Mustafa et. al. (1972), *Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Maktabah Islamiyyah, h. 52.

⁷¹ Munir Baal Baki (1986), *al-Munjīd Fi Lughah Wa `Alam*. Beirut: Maktabah Syarqiyyah, cet. 18, h.36.

⁷² J.A. Simpson And Esc Weiner (1989), *The Oxford English Dictionary*, ed. 2JX11.Oxford : Oxford Clarendon Press,h. 591.

⁷³ H.Manser (1988), *Bloomsbury Good Word Guide London* , Bloomsbury Publishing Ltd, h. 201.

⁷⁴ Khairunneezam Mohd Noor (2005) “Asas Dan Konsep Program Latihan Sumber Manusia Dalam Organisasi ” dalam *Membangun Masyarakat Moden Yang Berilmu Dan Berakhlak*. Nilai :Fakulti Kepimpinan Universiti Islam Malaysia,h.22.

Manakala Asma Ahmad mendefinisikan latihan sebagai proses menyediakan pelatih supaya berkebolehan untuk melakukan sesuatu tugas.⁷⁵

Oleh demikian dapat dinyatakan bahawa program mahupun latihan ialah suatu rancangan yang mengandungi dasar dan matlamat dalam proses membuat dan menyusun atur sesuatu aktiviti. Dengan ini dapat difahami bahawa program pembangunan modal insan ialah satu dasar yang di dalamnya mempunyai pengisian keseimbangan semua aspek untuk membentuk masyarakat Malaysia yang berkualiti. Oleh itu setiap agenda yang dirancang haruslah disusuli dengan gerak kerja yang sempurna bagi mendapatkan hasil yang terbaik.

Begitu juga dengan pembangunan modal insan yang dilaksanakan. Strategi dan program tertentu diperlukan untuk mencapai hasrat itu. Semuanya bergantung kepada ketepatan dan kesesuaian program mahupun latihan yang diadakan. Sekiranya program yang dilaksanakan itu berjaya dan mampu memberikan kesan yang positif, sudah pasti hasrat untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dapat dicapai.

Kerajaan Malaysia telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) dan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara (2007-2010).⁷⁶ Kedua-dua pelan ini dilancarkan bertujuan memberikan pengisian dan program yang mantap bagi melahirkan modal insan berkualiti. Pengisiannya bermula dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi.

⁷⁵ Rasid Muhamad et. al(2010), “Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia,” dalam *Pengurusan Islam Teori Dan Praktis*. Selangor : Universiti Teknologi Mara (UPENA),h.115

⁷⁶ Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi(2006) *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia,h.1-3

Tumpuan diberikan dalam proses untuk melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketrampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju 2020. Begitu juga mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah.

Proses sebegini akan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi membantu pertumbuhan individu mencari dan mencapai potensi diri sepenuhnya. Oleh itu penekanan yang diberikan dalam pengisian pembangunan modal insan ini lebih tertumpu kepada aspek program kepimpinan, program motivasi, program kemahiran, program keilmuan dan keagamaan yang menggunakan pendekatan keseimbangan dalam membentuk manusia agar berakhlak, beretika dan moral di samping mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu.⁷⁷

2.4.1 Program kepimpinan

Dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti, pemimpin yang berwibawa amat diperlukan dalam sesebuah organisasi. Hal ini kerana kejayaan di tempat kerja atau dalam kehidupan saling mempunyai kaitan dengan aspek kepimpinan sama ada dalam diri sendiri mahupun dari orang sekeliling.

⁷⁷Abdullah Bin Ahmad Badawi(2006) “ Bab5 Membangunkan Modal Insan” (2006) dalam *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*.Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia,h.52-73.

Kepimpinan membawa maksud keupayaan memimpin⁷⁸ atau dapat ditakrifkan sebagai usaha untuk mempengaruhi individu atau sekumpulan individu untuk melakukan sesuatu tugas serta mencapai sesuatu matlamat dalam masa yang sama memberi kepuasan kepada orang yang dipimpin.⁷⁹

Definisi ini memberikan gambaran yang jelas bahawa kepimpinan merupakan aspek utama yang mempengaruhi tindak-tanduk manusia untuk melakukan sesuatu tugas. Gaya kepimpinan yang dimiliki oleh seorang atau dalam sebuah organisasi merupakan faktor penentu kejayaan atau kegagalannya dalam melakukan sesuatu yang telah direncanakan.⁸⁰

Sekiranya sesebuah organisasi itu mempunyai seorang pemimpin yang memiliki sifat kepimpinan yang bagus, sudah pastilah organisasi itu dapat mencapai kejayaan seperti yang dirancangan. Namun jika sebaliknya pastilah organisasi itu gagal dalam melaksanakan apa yang telah dirancangan dengan sempurna. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa aspek kepimpinan amat penting dan programya diperlukan dalam pengisian pembangunan modal insan.

Oleh itu program-program kepimpinan yang sedia ada haruslah diberikan penekanan dan dititikberatkan perlaksanaannya dari peringkat awal hinggalah ke peringkat organisasi jabatan kerajaan dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti di kalangan masyarakat Malaysia.

⁷⁸ Hajjah Noreshah Baharom (2007), *Kamus Dewan* ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1208.

⁷⁹ Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*. Kuala Lumpur: Ummah Media Sdn. Bhd., h. 99-100.

⁸⁰ Ab.Aziz Yusof et al (2008), *Pengurusan Perniagaan Islam: Konsep Isu dan Pelaksanaan*. Kedah: Universiti Utara Malaysia, h. 283.

Seperti program kepimpinan yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan di peringkat awal di sekolah rendah dengan aktiviti persatuan dan badan-badan beruniform.⁸¹

Manakala di peringkat pengajian tinggi pula seperti program siasah diri, program anak negeri dan persatuan-persatuan. Program-program sebegini dapat mengajak para mahasiswa agar bergerak cergas dan memberikan pengalaman kepada para mahasiswa dan mahasiswi untuk mengendalikan sesuatu agenda anjuran pihak universiti. Secara tidak langsung aktiviti-ktiviti tersebut melatih dan mendidik mereka agar mempunyai sifat kepimpinan dan mengasah sifat itu dalam diri mereka.⁸²

Namun begitu di peringkat organisasi kerajaan juga program kepimpinan turut dilaksanakan oleh pihak Institut Pentadbiran Awam Negara INTAN. Antaranya program yang diadakan ialah Program Latihan Eksekutif. Ia meliputi enam bidang utama, iaitu pengurusan teknologi dan komunikasi, pengurusan kewangan, pengurusan ekonomi dan perniagaan, pengurusan perbandaran dan alam sekitar, pengurusan sumber manusia dan pengurusan kualiti.

Pendekatan asas yang diutamakan adalah seperti pembangunan kompetensi individu dari segi nilai dan etika, kemahiran berkomunikasi, penggunaan komputer perhubungan manusia, bahasa dan sikap.⁸³ Program sebegini diadakan bertujuan melahirkan modal insan yang berkualiti dalam perkhidmatan awam di Malaysia.

⁸¹ Abdullah Bin Ahmad Badawi (2006), *op.cit.* h 56-59.

⁸² Abdullah Bin Ahmad Badawi (2007), *Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010*. Kuala Lumpur : Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

⁸³ Jamaluddin Ahmad Damanhuri (2005), "Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Awam : Misi dan Visi," dalam Mazlan Musa et al. (eds), *Etika Dan Integriti Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Institut Integriti Malaysia, h.73.

2.4.2 Program Motivasi

Motivasi merupakan satu elemen penting dalam diri manusia dan boleh ditakrifkan sebagai dorongan. Dalam erti kata lain motivasi sebenarnya membawa maksud potensi semulajadi yang sedia ada dalam diri setiap manusia sejak kanak-kanak lagi.⁸⁴ Namun begitu ianya perlu dikembangkan dan dibangunkan supaya berada di landasan yang betul agar dapat menjadi manusia yang berkualiti. Sekiranya potensi itu tidak dibangunkan dengan tepat maka akan berlaku kepincangan dalam diri manusia. Hal ini kerana motivasi ini apabila telah dibangunkan dengan cara yang tepat, ia akan menggerakkan dan membangkitkan dorongan seseorang untuk melahirkan sesuatu tingkah laku serta melakukan sesuatu tindakan yang sesuai.⁸⁵

Kesedaran seperti inilah yang perlu dibina agar manusia itu dapat melakukan reformasi dalam diri untuk membina kekuatan jati diri bagi menghadapi arus kehidupan. Hanya manusia yang mempunyai kesedaran dan bermotivasi tinggi sahaja yang mampu bergerak untuk melakukan perubahan dalam kehidupan mereka daripada satu keadaan kepada keadaan yang lebih baik. Tambahan lagi, dengan gaya dan tekanan hidup masyarakat masa kini yang menjadi penyebab utama seseorang itu mengalami pelbagai masalah kehidupan seperti masalah peribadi keluarga dan masalah kerja. Walaupun kita sedari program-program motivasi ini telah diadakan sejak disekolah rendah dan menengah. Seperti program kaunseling, melalui kelab rakan sebaya, kem solat bistari dan banyak lagi.

⁸⁴ Othman Talib (2006), "Pengawalan Dorongan dan Emosi Daripada Persepektif Islam", dalam Fariza Md.Sham, Siti Rugayah Tibek (eds.), *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 60.

⁸⁵ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 124.

Begitu juga dengan program kecemerlangan seperti strategi cemerlang dalam peperiksaan. Program-program sebegini secara tidak langsung dapat membangkitkan kesedaran di dalam diri para pelajar betapa pentingnya mempunyai ilmu pengetahuan dan pentingnya belajar bersungguh semasa di alam persekolahan untuk menjadi manusia yang berjaya. Bagi menghargai pelajar-pelajar yang telah berusaha bersungguh-sungguh dengan memperolehi kejayaan. Pihak sekolah pada setiap akhir semester persekolahan akan mengadakan hari penyampaian hadiah.

Manakala di peringkat universiti pula program-program motivasi dilaksanakan untuk membangkitkan kesedaran dan mengenal potensi diri mahasiswa dan mahasiswi. Seperti program pengurusan masa, program kecemerlangan dalam kokurikulum dan akademik dan banyak lagi. Melalui program-program motivasi sebegini, potensi diri mereka dapat digilap dan dibangunkan untuk diasah menjadi manusia yang berkualiti dalam semua aspek. Hasilnya nanti mahasiswa- mahasiswi itu bukan sahaja berjaya dengan cemerlang di atas segulung ijazah tetapi dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari ke alam realiti yang penuh cabaran.

Begitu juga di sektor organisasi kerajaan mahupun sektor swasta, program-program motivasi ini tidak ketinggalan dan turut di anjurkan. Ia bertujuan untuk memberikan semangat dan mengubah cara pemikiran serta kesedaran dalam meningkatkan kualiti kerja. Namun nilai-nilai murni dan akhlak mulia tidak diketepikan dalam menjadi pengukur tahap kualiti kerja. Hal ini kerana dunia realiti cabarannya begitu kuat dan hanya mereka yang punyai daya saing tinggi sahaja yang mampu mengharunginya. Program-program motivasi yang dibicarakan itu, merujuk kepada teori pengukuhan. Ia merupakan satu teori yang ada dalam motivasi.

Teori ini digunakan untuk mendorong berlakunya perubahan tingkahlaku seseorang. Teori ini mengatakan manusia melakukan sesuatu perkara itu kerana mengharapkan ganjaran. Ganjaran adalah salah satu faktor yang dapat menciptakan hubungan positif pelaku terhadap sesuatu perkara.⁸⁶ Sekiranya di peringkat sekolah, universiti para pelajar dan mahasiswa mahupun mahasiswi berusaha bersungguh dalam pelajaran untuk memperolehi kejayaan. Kejayaan itu seperti dapat memasuki sekolah berasrama penuh, dapat anugerah dekan (*dean list*). Kejayaan itu boleh dianggap sebagai ganjaran yang menjadi daya penolak kepada mereka dalam membina, membentuk kemampuan dan potensi diri. Apabila mereka telah mengenal kekuatan diri, maka mudahlah bagi mereka untuk melayari kehidupan dan berusaha menjadi manusia.

Manakala di peringkat sektor pekerjaan pula, faktor penolak dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik ialah ganjaran yang berbentuk kenaikan pangkat, mendapat anugerah pekerja cemerlang atau mendapat imbuhan yang lain. Seperti wang ringgit, diberikan peluang melancong atau makan angin di atas kejayaan yang telah dikecapi.⁸⁷ Walaupun begitu ada juga para pekerja yang melaksanakan tanggungjawab dengan baik disebabkan minat dan keperluan terhadap kerja tanpa memikirkan soal ganjaran. Oleh yang demikian dengan penerapan dan pendedahan program motivasi ini dalam pengisian pembangunan modal insan dapat memberikan masyarakat Malaysia mengenal pasti dan mengetahui kekuatan dalaman serta jati diri masing-masing. Keadaan ini akan memudahkan dan membantu mereka untuk mengharungi kehidupan realiti dan mengurangkan permasalahan yang melanda dalam masyarakat.

⁸⁶ Ainon Mohd (2008), *Teori Motivasi di Tempat Kerja*. Selangor : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, h.182.

⁸⁷ Jamaluddin Ahmad Damanhuri (2005), *op.cit*, h. 71.

2.4.3 Program Kemahiran

Kemahiran juga merupakan salah satu aspek utama dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana berpandukan dengan kemahiran yang dimiliki, manusia mampu mengorak perjalanan hidupnya. Tidak kira apa jua bentuk kemahiran yang ada, ia harus diberikan pendedahan yang sewajarnya agar setiap individu dapat mengenalpasti dan mengetahui bidang kemahiran yang terbaik untuk dirinya. Walaupun begitu program kemahiran yang ingin dianjurkan haruslah sesuatu program kemahiran yang sesuai dan perlu dikuasai mengikut tuntutan zaman. Sebagaimana ungkapan Saidina Umar yang terkenal dengan kata-katanya.⁸⁸:

"ajarilah anak kamu, kerana mereka dilahirkan bukan untuk zaman kamu"

Hal ini kerana sekiranya program kemahiran yang diberikan tidak menepati kehendak dan keperluan individu atau organisasi maka tiada sebarang keuntungan yang akan diperolehi. Bahkan ia akan merugikan sahaja. Melalui program kemahiran yang bersesuaian ia dapat menjadikan seseorang modal insan itu lebih berkualiti dengan kemahiran yang dimiliki di samping menepati kehendak pasaran global. Oleh itu di peringkat sekolah menengah lagi telah diperkenalkan program yang bersifat kemahiran ini dengan adanya sekolah vokasional.⁸⁹ Sekolah ini akan menawarkan kursus-kursus berbentuk kemahiran. Terdapat lima bidang utama dalam skop yang ditawarkan. Ianya terdiri daripada bidang ketukangan kejuruteraan, bidang ekonomi rumahtangga, bidang perdagangan, bidang pertanian dan bidang kejuruteraan ladang.

⁸⁸ Rasid Muhamad et. al.(2010), op.cit .h.125.

⁸⁹Abdullah Bin Ahmad Badawi(2006), op.cit. h.19.

Dalam bidang ketukangan kejuruteraan pula terdapat lima kursus kemahiran yang ditawarkan iaitu elektrik dan elektronik, amalan bengkel mesin, kimpalan logam, binaan bangunan dan penyejuk penyaman udara. Dalam bidang ekonomi rumahtangga pula terdapat empat kursus kemahiran yang ditawarkan iaitu katering, rekaan fesyen dan membuat pakaian, asuhan kanak-kanak dan bakeri. Dalam bidang perdagangan, kursus perniagaan yang ditawarkan. Manakala dalam bidang pertanian ditawarkan kursus kemahiran hortikultur hiasan. Dalam bidang kenjenteraan ladang kursus kemahiran pengurusan ladang yang ditawarkan. Kursus yang ditawarkan di peringkat sekolah ini juga boleh dilanjutkan ke peringkat universiti sekiranya para pelajar berminat dan mempunyai kelayakan.⁹⁰

Manakala bagi sektor organisasi kerajaan pula seperti yang dinyatakan sebelum ini, ianya dianjurkan oleh pihak INTAN. Antaranya program yang berbentuk kemahiran ialah program kursus pengurusan fail dan rekod, kursus pengurusan stor dan kemahiran ICT dan banyak lagi, mengikut keperluan dan kesesuaian yang diperlukan oleh organisasi terhadap para pekerja mereka.⁹¹

Oleh itu individu-individu dan masyarakat yang sentiasa mendapat pendedahan terkini mengenai sesuatu kemahiran. Kebanyakan mereka ini mempunyai pengetahuan yang luas di samping menambahkan minat untuk lebih mendalami terhadap bidang kemahiran tersebut. Apabila ini yang berlaku, pastinya negara akan sentiasa mempunyai rakyat dan masyarakat yang mempunyai tahap kemahiran *up to date* iaitu terkini yang dapat menepati kehendak pasaran dunia semasa.

⁹⁰ Nordin Mukri (2003) "Perlaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Mata Pelajaran Vokasional (MPV) SMK Datuk Menteri, Batu Pahat Johor" dalam (Kertas Kerja Seminar Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan, The Legend Hotel Kuala Lumpur), h.1-21.

⁹¹ Institut Tadbiran Negara Malaysia. Lihat : <http://www.intanbk.intan.my/capaian> pada 11 June 2011.

Seperti dalam bidang teknologi maklumat, bidang automobil, bidang landskap dan bidang kejuruteraan dan banyak lagi. Sudah tentulah keadaan sebegini menjadikan tahap pembangunan negara dapat berkembang dengan pesat dan memberikan pulangan yang menguntungkan. Akhirnya hasrat wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju akan dapat dicapai.

2.4.4 Program Keilmuaan Dan Keagamaan

Keagamaan dan ilmu pengetahuan adalah sesuatu perkara yang amat penting dalam pembangunan manusia. Ilmu pengetahuan dibangunkan melalui akal. Manakala kerohanian pula dibangunkan melalui hati dan naluri. Keduanya saling memerlukan antara satu sama lain dalam kehidupan. Keduanya mempengaruhi seseorang dalam melakukan sesuatu perkara sama ke arah positif atau negatif. Namun kerohanian lebih tertumpu dalam aspek mengembangkan nilai-nilai positif dalam diri setiap manusia. Tanpa keduanya seseorang manusia tidak dapat dibangunkan menjadi manusia yang berkualiti.

Oleh itu untuk pengisian dalam program pembangunan modal insan kedua-dua program ini mesti ada. Sekiranya tiada, pembangunan modal insan tidak dapat dijayakan dengan baik. Disebabkan itu di peringkat sekolah rendah telah diperkenalkan pembelajaran jawi, quran, bahasa arab dan fardhu ain yang dikenali dengan J-QAF.⁹² Hal ini bertujuan memantapkan para pelajar sekolah dengan penguasaan membaca dan menulis tulisan jawi.

⁹² *Buku Panduan Dasar Pelaksanaan Dan Pengurusan Kurikulum Dan Kokurikulum Program j-QAF*. Putraya : Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia, h.1-4.

Di samping membaca dan menghafaz al-quran, mengetahui kemahiran asas bahasa arab dan memperkukuhkan serta menerapkan amalan fardhu ain. Manakala di peringkat universiti pula diajarkan subjek berbentuk keagamaan seperti pengenalan kepada Islam, tasawur islam subjek ini diajarkan kepada semua pelajar dan tidak dikhususkan kepada pengajian Islam sahaja. Begitu juga dengan pembelajaran tilawah quran dan tajwid.

Dalam konteks organisasi, program keilmuan dan keagamaan dalam pembangunan insan juga telah dilakukan oleh INTAN, walaupun sebelumnya program pembangunan modal insan ini telah dijalankan oleh badan perundingan swasta. Kemudiannya ia diambil alih oleh INTAN dan dilaksanakan secara bersepadu di dalam program latihan pembangunan dan perkembangan kerjaya untuk kakitangan kerajaan. Ia diperkukuhkan asasnya dengan bantuan beberapa orang sarjana Melayu-Islam yang ternama seperti Muhammad Kamal Hassan, Syed Muhammad Naqiubb al-Attas, Wan Mohd Nor Wan Daud.⁹³ Program pembangunan yang dilaksanakan oleh INTAN itu telah mengandungi beberapa elemen :

1. Penggunaan sepenuhnya teori jalinan roh, jasad dan akal dalam melahirkan pekerja yang tinggi nilai akauntabilitinya di dalam menjalankan sesuatu perkerjaan sebagai ibadah, bagi memperolihi kejayaan (Falah) dan mengelakkan kerosakan (khusran).
2. Penggunaan kerangka ilmu akhlak dan tasawuf bagi tujuan pembersihan jiwa (Tazkiyah al-Nafs) seseorang pekerja melalui pelbagai formula ala tasawuf seperti menanamkan kepentingan budaya ilmu, Muhasabah, Tafakur, zikir, taubat,

⁹³ Mohamad Kamil Bin Majid (2006), ‘‘Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Analisis Terhadap Islam Hadhari ‘‘ dalam *Islam Hadhari Wahana Ilmu Untuk Kecemerlangan Umat Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,h.4.

kepentingan sifat Mahmudah (terpuji) dan keburukan sifat Mazmumah (tercela), Qiyamul lail dan sebagainya. Apa yang jelasnya, pengamalan formula-formula ini dapat mendidik dan membangunkan potensi elemen jasad dan roh manusia yang merupakan punca utama kepada pembentukan emosi manusia, menjadikannya lebih tenang dan seimbang.

3. Menanamkan peranan Allah di dalam mengatur kehidupan manusia, yang mana dalam banyak hal telah menjadikan ujian fizikal, pikiran dan emosional sebagai kaedah utama untuk menguji dan mendidik manusia agar menjadikannya sebagai insan yang teguh kekuatan fizikal, mental dan spiritual.

Program ini dilakukan dalam usaha melahirkan warga kerja dan masyarakat Malaysia yang mempunyai kualiti dan kemahiran. Hal ini kerana terdapat perbezaan yang ketara antara orang yang mempunyai ilmu pengetahuan dengan orang yang tiada memiliki ilmu pengetahuan sama ada dari segi percakapannya, tingkahlaku dan pemikirannya. Keadaan ini juga dijelaskan dalam al-quran bahawa tidak sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu.

Oleh itu apabila program bersifat keilmuan dan keagamaan dilaksanakan dalam program pembangunan modal insan. Sudah tentulah ia dapat membentuk manusia menjadi modal insan yang berkualiti dan mempunyai akhlak yang terpuji. Hasil daripada penghayatan program yang dianjurkan. Akhirnya organisasi-organisasi tersebut memperolehi kecemerlangan.

2.5 Masalah Dalam Pelaksanaan Program

Dalam setiap pelaksanaan program oleh mana-mana pihak, pastinya mengharapkan kelancaran dan kejayaan. Namun begitu kita tidak dapat mengelak dari wujudnya pelbagai masalah yang sering terjadi dalam setiap pelaksanaan program sama ada di badan-badan NGO, badan-badan swasta dan jabatan kerajaan. Menurut Kamus Dewan, masalah membawa pengertian sesuatu yang memerlukan penyelesaian perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran.⁹⁴ Kebiasaannya masalah yang melanda itu berpunca daripada beberapa faktor. Antara faktor-faktornya ialah seperti berikut:

2.5.1 Masalah Dalam Aspek Pengurusan

Kelancaran perjalanan sesuatu program juga bergantung kepada kecekapan pihak pengurusan mengatur dan merancang pergerakan program tersebut dari peringkat awal. Sekiranya pengurusan dijalankan dengan baik dan terancang pastinya dapat memberikan kesan yang positif terhadap program-program yang dijalankan. Namun begitu kepincangan dalam pengurusan pengendalian program ini seringkali berlaku dan menjadi penyebab timbulnya masalah dalam pelaksanaan sesuatu program. Antara masalah yang timbul dalam pengurusan ini ialah, kekurangan tenaga mahir yang komited yang dapat mengendalikan program dengan baik.

⁹⁴ Hajah Noreshah Hj Baharom (2007), *Kamus Dewan*, c.4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1.

Hal ini disebabkan sikap meletakkan beban kerja kepada seseorang individu yang sama dalam mengendalikan sesuatu program. Tambahan lagi dengan sikap individu itu yang mudah bertoleransi dan tidak menolak kerja yang diberikan. Situasi ini terjadi disebabkan sikap sesetengah kakitangan yang mengelak daripada terlibat dalam mengendalikan suatu program terutamanya di musim cuti atau hujung minggu. Pihak penganjur tidak dapat mengelak terpaksa menggunakan sumber tenaga yang kurang mahir agar program yang dianjurkan tidak terbengkalai.

Keadaan sebegini menyebabkan program yang dianjurkan tidak menepati matlamat program. Masalah tidak sahaja terhenti di situ. Bahkan menimbulkan permasalahan seterusnya iaitu dari aspek program. Hal ini kerana tenaga kurang mahir pastinya terpaksa kerap kali menggunakan pendekatan dan modul yang sama berulang kali sebagaimana sebelumnya. Walaupun sasaran dan suasana tempat yang berbeza.

Hal ini terjadi disebabkan kurangnya kepakaran dalam pengendalian tersebut. Akhirnya program yang dianjurkan tidak mendapat sambutan. Bukankah keadaan sebegini akan merugikan kedua-dua pihak sama pihak pengajur mahupun peserta. Oleh itu seharusnya dalam pengurusan yang baik, masalah ini diatasi dan tidak dibiarkan berlanjutan serta disediakan tenaga mahir yang berkelayakan untuk melaksanakan program tersebut.

2.5.2 Masalah Dalam Aspek Kakitangan

Sumber tenaga manusia atau tenaga kerja juga amat penting dalam pelaksanaan sesebuah program. Kakitangan atau tenaga kerja dalam sesebuah organisasi amat penting sebagai nadi peneraju penggerak sesuatu program.⁹⁵ Tanpa mereka amatlah sukar program yang dirancang oleh sesebuah organisasi itu bergerak. Namun begitu masalah yang sering timbul dari aspek kakitangan ini biasanya masalah kekurangan kakitangan atau sumber tenaga manusia dalam melaksanakan program.

Hal ini disebabkan bebanan kerja yang hanya tertumpu kepada tenaga tertentu sahaja. Keadaan sebegini sering berlaku dalam organisasi yang kurang mempunyai kakitangan. Tambahan pula dengan tugas rutin harian sedia ada menyebabkan tenaga kerja tidak dapat memberikan tumpuan yang sebaiknya dalam mengadakan satu-satu program. Akibatnya program tidak dapat dirancang dengan baik dan sempurna.

Hasilnya nanti menyebabkan program yang diadakan itu kurang berkualiti. Ia diadakan sekadar melengkap jadual perancangan organisasi yang dibuat pada awal tahun.⁹⁶ Selain itu wujudnya masalah kurang persefahaman yang menjadi punca tiada kerjasama antara kakitangan dalam organisasi. Situasi ini menyebabkan berlakunya kepincangan dalam pelaksanaan dan pengendalian sesuatu program. Hal ini biasanya terjadi disebabkan wujudnya jurang komunikasi antara kakitangan dalam organisasi.

⁹⁵ Ab.Aziz Mohd Zin et al.(2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.286.

⁹⁶ Mohd Idris Jauzi (1993) “Gerakan Dakwah dan sistem pentabiran di Malaysia: Satu Analisis”, *Gerakan Dakwah dan Orde Islam Di Malaysia: Strategi Masa Depan*. Selangor : Angkatan Belia Islam Malaysia, h.26.

Apabila hal ini berlaku ia akan memberikan masalah dalam kepuasan kerja, berlaku motivasi diri yang rendah, konflik dalam organisasi dan sebagainya.⁹⁷ Akhirnya keadaan ini menimbulkan masalah lain seperti kurangnya mendapat sambutan daripada kakitangan dalam menjayakan dan menyertai program-program yang dianjurkan oleh organisasi.

Keadaan ini juga menjadi salah satu punca wujudnya masalah dalam aspek kakitangan. Hal sebegini haruslah dibendung di peringkat awal lagi agar tidak merebak dengan lebih dalam di antara kakitangan. Walaupun ia nampak tidaklah satu masalah utama namun ia memberikan kesan yang begitu besar kepada seluruh organisasi.

2.5.3 Masalah Dalam Aspek Kewangan

Kewangan juga merupakan salah satu faktor yang menentukan sama ada sesuatu program yang dirancang dapat dilaksanakan atau tidak. Hal ini kerana seringkali didapati kelancaran perjalanan sesuatu program itu terbantut disebabkan kurangnya sumber kewangan. Apabila ini terjadi pastinya sesuatu program itu terpaksa ditunda dan tidak dapat dilaksanakan sehingga tahap kewangan kembali kukuh.

Bagi organisasi kerajaan masalah kewangan tidak menjadi isu besar terhadap mereka dalam melaksanakan program. Hal ini disebabkan mereka mendapat peruntukan yang diperolehi daripada bajet tahunan pihak kerajaan.⁹⁸ Namun bagi organisasi bukan kerajaan sumber kewangan turut menjadi permasalahan dalam pengurusannya.

⁹⁷ Hashim Fauzy Yaacob (2001), *Komunikasi Antara Manusia*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia, h.252.

⁹⁸ Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi (2006), dalam *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Putrajaya : Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, h.275.

Mereka hanya bergantung kepada sumbangan masyarakat ataupun terpaksa mencari penaja untuk menganjurkan sesuatu program.⁹⁹ Walaupun begitu keadaan ini tidak seharusnya menjadi halangan pihak organisasi untuk mengendalikan sesuatu program. Oleh itu perancangan dan pengurusan yang bijaksana diperlukan agar permasalahan kewangan yang seringkali berlaku dapat diselesaikan dengan baik.

2.6 Kesimpulan

Di akhir ini dapat difahami bahawa pembangunan dari kaca mata sarjana Barat dan sarjana Islam. Konsep pembangunan daripada sarjana Barat mengutamakan pembangunan fizikal sahaja tanpa mempedulikan aspek kerohanian. Mereka hanya berpegang terhadap perspektif itu dan tidak menerima pendapat lain. Wahal apa yang mereka pegang itu ternyata konsepnya bersifat longgar, abstrak dan mengikut perkembangan semasa serta bergantung kepada permasalahan dalam kehidupan yang dialami oleh sesebuah masyarakat dan negara pada suatu zaman. Konsep sebegini jauh berbeza dengan konsep yang dipegang oleh sarjana Islam. Hal ini kerana konsep pembangunan dalam Islam mengutamakan pembangunan manusia yang menjadi penggerak kepada berlakunya pembangunan. Dasar perlembangannya berpandukan kepada al-Quran dan sunnah yang bersesuaian untuk sepanjang zaman dan menepati keperluan manusia. Oleh kerana itu, kerajaan merasakan masyarakat Islam di Malaysia perlu diperkuatkan kembali melalui pemeraksanaan manusia itu sendiri.

⁹⁹ Abdul Manaf Haji Ahmad (1997) , “Masalah Dakwah Islamiah di Malaysia dan Cara Mengatasinya ” dalam Abdullah Muhammad Zin et.al (eds.), *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia, h.175.

Justeru itu timbul satu gagasan untuk melaksanakan program pembangunan modal insan. Satu dasar yang ingin memperkasakan kembali masyarakat Malaysia dan khususnya umat Islam dengan membangunkan keseluruhan aspek kemanusiaan dengan fizikal mental dan spiritual tanpa mengetepikan nilai-nilai murni. Tidak seperti pembangunan yang dilakukan sebelum ini yang hanya mementingkan aspek fizikal sahaja. Agenda ini merupakan satu hasrat murni yang akan memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat Malaysia.